

# TDM beli baju raya, anjur majlis iftar rai anak yatim dan asnaf



Kesemua 58 anak yatim dan asnaf beserta para petugas yang menjayakan program



Empat adik-beradik yang baru kehilangan bapa antara mereka yang menjadi jemputan utama program dianjurkan TDM baru-baru ini.



Dato' Haji Yahaya Ali dan pihak pengurusan TDM bersama-sama membantu anak-anak memilih dan mencuba baju raya baru.

**KUALA TERENGGANU** – Sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang tiba, TDM Berhad (TDM) bekerjasama dengan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkongsi kegembiraan bersama anak yatim, asnaf membeli baju raya baharu. Keceriaan jelas terpancar di wajah 58 anak yatim yang dibawa membeli busana raya baharu di Pusat Beli Belah Kuala Terengganu City Centre (KTCC) dan kemudiannya di bawa ke Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu bagi sesi majlis iftar bersama. Turut hadir merayakan anak-anak tersebut adalah Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya Ali dan Pengurusan TDM.

Haji Najman Kamaruddin, Pengarah Eksekutif TDM berkata, "TDM melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR), komited untuk

sentiasa berkongsi rezeki bersama masyarakat setempat dan bertepatan dengan bulan Ramadan yang semakin ke penghujung serta Syawal yang bakal tiba, pihak syarikat berhasrat untuk meningkatkan usaha membantu bagi yang memerlukan. Dalam kita menyambut Ramadan dengan penuh kegembiraan dan juga merayakan Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, kita juga mengambil kira golongan kurang bernasib baik yang jarang kali mendapat peluang menyambut bulan mulia ini dengan membeli atau memilih baju raya baharu mereka sendiri. Kami berbesar hati dapat melibatkan diri dan berharap agar ianya menjadi pengalaman serta memori yang indah dan tidak dapat dilupakan buat anak-anak ini."

Bagi merealisasikan komitmen ini, TDM bersama Pertubuhan Muafakat Sejahtera

Terengganu (SEJAHTERA) berkongsi objektif yang sama untuk meraikan kemeriahan dalam menyambut kehadiran Hari Raya Aidilfitri bersama dengan anak-anak yatim bagi memberikan mereka peluang membuat persediaan Hari Raya Aidilfitri seperti kanak-kanak lain seusia mereka sekaligus memberi mesej bahawa keindahan Hari Raya itu bertujuan untuk dikongsi bersama. Program ini merupakan salah satu cara untuk kami berbakti kepada masyarakat, kali ini kami bersama anak-anak yatim dari daerah Marang dan Kuala Terengganu.

Muhammad Ilham Wafiy, 9 tahun, bersama-sama tiga lagi adik beradiknya yang lain turut menerima sumbangan daripada 58 anak yatim, asnaf yang dibawa berbelanja pakaian lebaran terpancar penuh keceriaan dan kebahagiaan di wajahnya berkata, "Alham-

dulillah saya terharu diberikan peluang berbelanja, memilih sendiri baju baharu di sini dan juga dapat memilih warna tema untuk keluarga kami sempena raya kali ini. Walaupun sambutan Aidilfitri tahun ini merupakan tahun kesedihan bagi kami sekeluarga yang baru kehilangan ayah di bulan puasa ini baru-baru ini, namun demi semangat kepada ibu dan adik-adik kami cuba meriahkan suasana Aidilfitri ini."

Pada majlis yang sama, sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim tersebut turut diberikan sebagai persiapan menyambut perayaan Aidilfitri yang juga merupakan simbolik kepada sambutan Hari Raya. Sumbangan tersebut disampaikan oleh Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Dato' Haji Yahaya Ali diiringi pengurusan TDM. Di majlis yang sama mereka kemudiannya dijamu dengan hi-

dangan berbuka puasa di Hotel Paya Bunga, Kuala Terengganu bersama keluarga baharu dari kalangan para tetamu yang hadir.

"Terima kasih kepada TDM di atas bantuan dan sumbangan yang diberikan dalam menjayakan majlis ini. Saya bersyukur dan senang hati melihat anak-anak yang hadir tersenyum lebar ketika menerima busana raya yang baharu, sumbangan duit raya dan kemudian dapat menikmati hidangan berbuka puasa yang lazat. Besarlah harapan saya agar lebih banyak syarikat korporat lain yang akan turut mencontohi usaha murni sebegini," kata Dato' Haji Yahaya Ali.

Majlis diakhiri dengan solat Maghrib berjemaah bersama anak-anak yatim sebagai tanda kesyukuran dan penghormatan kepada bulan Ramadan yang mulia.